

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR OTHMAN**  
**[NIBONG TEBAL]**  
**TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 70**

**Y.B. DATO' MANSOR OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa hutang isi rumah rakyat Malaysia didapati meningkat agak ketara sepertimana dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2018, iaitu dari 61% daripada KDNK dalam tahun 2008 kepada 84% (RM 1.17 trilion) pada akhir Jun 2018 dan jelaskan juga perancangan dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menangani isu ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada akhir Jun 2018, nisbah hutang isi rumah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat kepada 83.3% daripada 63.3% pada tahun 2008. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah pinjaman terutamanya bagi tujuan pembelian harta kediaman. Walau bagaimanapun, secara amnya nisbah hutang isi rumah telah menurun dari tahap tertinggi iaitu 88.4% pada 2015.

2. Sejumlah besar daripada hutang isi rumah adalah untuk pengumpulan harta kekayaan seperti membeli harta kediaman (52.6%) dan bukan kediaman (6.9%) serta pelaburan dalam dana simpanan (5.6%). Sementara itu, hutang isi rumah bagi tujuan kegunaan peribadi hanya meliputi 18% daripada jumlah keseluruhan hutang tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah serius untuk mengurangkan kadar hutang isi rumah. Keberkesanan langkah-langkah yang telah dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2010 oleh pihak Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia dapat dilihat melalui penurunan kadar hutang isi rumah berbanding tahun 2015 yang telah mencatatkan kadar hutang yang tertinggi. Langkah-langkah tersebut dilaksanakan berteraskan dua prinsip iaitu:

1. memupuk amalan kredit yang bertanggungjawab dalam kalangan individu dan institusi kewangan, dan
2. mengelakkan isi rumah daripada berhutang secara berlebihan.

4. Walaupun tahap keberhutangan isi rumah kian menurun, ia masih kekal tinggi berbanding negara serantau. Oleh itu, Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan dalam kalangan masyarakat. Antaranya ialah:

## NO SOALAN : 70

1. penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bertujuan membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan dan beban hutang melalui khidmat nasihat dan penyusunan semula hutang. Dari tahun 2007 hingga Jun 2018, lebih daripada 230,000 peminjam telah menyertai Program Pengurusan Hutang; dan
2. pelancaran Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) pada tahun 2011 bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia, terutamanya generasi muda dan mereka yang baru bekerja. Sejak pelancarannya sehingga Jun 2018, lebih daripada 204,000 pengguna telah menghadiri program POWER!.

5. Bank Negara Malaysia sedang bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menggubal Akta Kredit Pengguna (AKP) yang akan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan aktiviti kredit pengguna di Malaysia.

1. menggalakkan budaya pemberian dan peminjaman kredit yang berhemat dan bertanggungjawab dalam kalangan pemberi kredit dan pengguna bagi memastikan kesejahteraan kewangan isi rumah; dan
2. keperluan untuk menjalankan penilaian kemampuan peminjam oleh pemberi kredit sebelum memberikan pinjaman kepada pengguna bagi mengurangkan risiko pengambilan kredit melebihi tahap kemampuan untuk membayar balik dan menanggung bebanan hutang yang tinggi.

6. Pada tahun 2016, beberapa agensi Kerajaan berserta bank telah membentuk Rangkaian Pendidikan Kewangan (*Financial Education Network, FEN*) untuk menghasilkan suatu pendekatan standard bagi pendidikan kewangan di peringkat kebangsaan. Pendekatan ini merangkumi pelbagai aspek pengurusan kewangan dan juga demografi. FEN sedang merangka Strategi Celik Kewangan Kebangsaan berlandaskan teras berikut:

1. memupuk nilai-nilai kewangan yang bertanggungjawab mulai di peringkat sekolah;

**NO SOALAN : 70**

2. menggalakkan amalan gaya hidup yang sesuai dengan kedudukan kewangan;
3. menyemai sikap dan tabiat kewangan yang positif dalam kalangan kumpulan sasaran; menyokong perancangan kewangan jangka panjang dan perancangan persaraan; dan memperkasa setiap individu dalam pengurusan risiko dan pulangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Kerajaan akan terus mengambil langkah proaktif dalam menangani peningkatan hutang isi rumah bagi memastikan kesejahteraan rakyat terjamin.